



SEKOLAH MENENGAH ARAB DARUL FALAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah menderma darah dan langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah. Panjangnya rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Derma darah amalan mulia yang bukan hanya dapat memupuk nilai baik dalam diri, tetapi paling penting turut membantu menyelamatkan nyawa. Malangnya di negara kita, amalan ini kurang mendapat sambutan terutama daripada golongan muda. Menyedari kepentingan amalan itu, Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menderma darah bagi memastikan bekalan di Bank Darah sentiasa mencukupi. Antara langkah tersebut ialah tarikh 14 Jun diisytiharkan sebagai Hari Derma Darah Sedunia. Namun hakikatnya, kempen menderma darah masih kurang mendapat sambutan dan tidak memenuhi jumlah keperluan darah yang diperlukan. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran mengenai kepentingan menderma darah, selain kurang maklumat dan pendedahan mengenai menderma darah. Malah, sambutan Hari Derma Darah Sedunia tidak diuar-uarkan untuk disambut sebagai menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menderma darah. Melalui amalan derma darah, bukan sahaja penerima darah menerima kelebihan bahkan terbukti bahawa penderma juga dapat kelebihan dengan menderma darah.

Antara kelebihan menderma darah ialah penderma dapat melahirkan satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain. Selain itu, derma darah **secara konsisten** dapat mengurangkan risiko kanser termasuk kanser hati, paru-paru, colon, perut dan tekak. Amalan derma darah juga dapat mengurangkan jumlah zat besi yang berlebihan di dalam badan dan dapat menghindarkan risiko sakit jantung. Sebelum setiap proses menderma darah bermula, seseorang penderma akan melalui beberapa pemeriksaan kesihatan percuma. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu mereka mengdiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut makin teruk. Bersama-sama dengan pemeriksaan kesihatan, para penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma. Kalau sendiri pergi ke klinik atau hospital untuk mengetahui jenis darah atau analisis darah, sudah tentu kena bayar.

Setiap kali seseorang menderma darah, sebanyak 640 Kcal akan hilang. Hal ini boleh membantu seseorang dalam proses untuk mengurangkan berat badan. Di samping itu, perasaan gembira mendapat pek percuma seperti makanan, minuman, t-shirt dan sijil amat baik untuk sistem imun di dalam badan. Derma darah juga membolehkan penderma untuk mengisi semula bekalan darah, membantu badan penderma berfungsi dengan lebih cekap dan dapat bekerja secara produktif. Oleh itu, usaha orang ramai untuk menderma darah amatlah dihargai. Namun anda layak untuk menderma darah sekiranya anda seorang penderma yang berisiko rendah iaitu tidak memudaratkan diri sendiri dan darah yang anda derma itu tidak tercemar dengan virus penyakit-penyakit yang boleh berjangkit menerusi pemindahan darah.

Tuntasnya, menderma darah merupakan satu amalan sukarela yang terpuji dan tidak ternilai sumbangannya. Keinginan untuk menderma darah perlulah wujud dalam diri setiap individu tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak. Malah setiap orang haruslah menganggap bahawa menderma darah adalah satu tanggungjawab diri dan mendermanya tanpa diundang.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Derma Darah Kurang Dapat Sambutan Golongan Muda'
The Borneopost.com, 2015)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *secara konsisten*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca Kempen Derma Darah tidak mendapat sambutan masyarakat.

Nyatakan punca-punca tersebut. [3 markah]

(iii) Masyarakat kita terutamanya golongan muda kurang berminat untuk menderma darah.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh media massa untuk menggalakkan masyarakat kita terutama golongan muda menderma darah? [4 markah]

Soalan 2 (b)- Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

Dipetik daripada cerpen 'Munsiy'

Oleh Husna Nazri

Dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah kesan sistem pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah di negara kita? [2 markah]
- (ii) Peristiwa 13 Mei betul-betul meninggalkan kesan mendalam kepada perpaduan rakyat Malaysia. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan sejarah hitam tersebut berulang kembali ? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu sentiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu di bawahnya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalanya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu. "Mati engkau, Cau Pandan."

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat."

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuat orang nyanyi :

- (i) Berikan maksud dewal orang berzikir ? [2 markah]

- (ii) Apakah tindakan Sidi Arab apabila mendengar khabar Cau Pandan hendak menyerang Melaka? [3 markah]

- (iii) Sekiranya anda Sultan Muzaffar Syah, apakah tindakan-tindakan yang anda lakukan untuk membalas jasa Sidi Arab yang telah berjaya membunuh Cau Pandan ? [3 markah]

Soalan 2 (d) – Petikan Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Dua Belas (Fasal yang ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.

Apabila terpeihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Bersungguh-sungguh engkau
memeliharakan tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Mohd Yusof Md Nor dan Abdul
Rahman Kaeh(Penyelenggara)
Puisi Melayu Tradisi, 1996.
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

(i) Terangkan maksud rangkap ke lima gurindam di atas. [2 markah]

(ii) Gurindam di atas menerangkan kepentingan menjaga anggota badan daripada melakukan perkara-perkara negatif.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak elok dan negatif. [3 markah]

(iii) Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah dengan menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan dan tidak boleh menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

(i) telur putih

(ii) putih telur

(iii) susu lembu

(iv) lembu susu

(v) jambu merah

(vi) merah jambu

[6 markah]

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata Tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

(i) Ibu ke pasar pagi tadi.

(ii) Tuan Hj. Sulaiman pengetua sekolah itu.

(iii) Pelajar itu berjaya dengan cemerlang kerana rajin belajar.

(iv) Pertandingan Akhir Bahas Ala Parlimen Bahasa Melayu diadakan di Dewan Seri Murni.

(v) Pasukan itu berjaya menjadi juara bola sepak melalui kerjasama perpasukan.

(vi) Tiga biji telur digunakan untuk membuat kek itu.

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kadar kemalangan jalan raya dalam kalangan penunggang motorsikal yang semakin meningkat pada masa ini kebimbangan banyak pihak.
- (ii) Pemakanan yang baik dapat melahirkan jenerasi yang sihat sekali gus berupaya untuk meningkatkan cemerlangan pelajar dan produktiviti pekerja.
- (iii) Tahap pendidikan moral yang rendah telah dikenalpasti sebagai punca utama wujudnya pelbagai gejala sosial di sekolah rendah dan sekolah menengah.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Uji pandu kereta yang baru siap syarikat pengeluar kereta itu dilakukan oleh berapa orang pekerjanya.
- (ii) Semua orang ramai diminta untuk berada di dalam rumah sekiranya berasa tidak sihat bagi mengelakkan pembiakan virus Influenza A (H1N1).
- (iii) Perpaduan kaum dapat dicapai sekiranya wujud sikap saling hormat-menghormati agama, kepercayaan dan budaya dengan hati yang ikhlas tanpa ada sebarang prasyarat.

[6 markah]

(e) *Tulis ayat berdasarkan setiap **peribahasa** di bawah supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) Hangat-hangat tahi ayam
- (ii) Bagai ikan pulang ke lubuk
- (iii) Bagaimana acuan, begitulah kuihnya

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di SebalikDinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (vii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, bincangkan **dua latar masyarakat** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Bandingkan **dua buah** novel yang anda kaji, bandingkan **tema** kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT